



Ruj. : UKM 3.6.1/224/11 Jld. VI
Tarikh: 23 Disember 2009

PEKELILING AKADEMIK BIL: 28/2009

SULIT

Semua Dekan/Pengerusi/Ketua Pusat/Jabatan/Program

Fakulti Ekonomi dan Perniagaan
Pusat Pengajian Ekonomi
Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan
Pusat Pengajian Perakaunan

Fakulti Sains dan Teknologi
Pusat Pengajian Biosains dan Bioteknologi
Pusat Pengajian Fizik Gunaan
Pusat Pengajian Sains Kimia dan Teknologi Makanan
Pusat Pengajian Sains Matematik
Pusat Pengajian Sains Sekitaran dan Sumber Alam

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu
Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik
Pusat Pengajian Media dan Komunikasi
Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia
Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi
Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran

Fakulti Farmasi

Fakulti Kejuruteraan

Fakulti Pendidikan

Fakulti Pengajian Islam

Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu

Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat

Fakulti Undang-Undang

Pengarah
Pusat Pengajian Umum

Pengarah
Pusat Perkembangan Pelajar

YBhg. Prof./Dato'/Tuan/Puan,

PENGESAHAN MAKLUMAT KEPERLUAN PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER II SESI AKADEMIK 2009/2010

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

Dimaklumkan bahawa minggu peperiksaan Semester II Sesi Akademik 2009/2010 akan berjalan mulai **12 hingga 30 April 2010 selama 3 minggu**. Pengendalian peperiksaan akhir ini mengikut panduan pengurusan peperiksaan prasiswazah yang telah diberi pengiktirafan ISO 9001:2008. Sehubungan dengan itu, bagi melancarkan urusan peperiksaan akhir Semester II Sesi Akademik 2009/2010, Bahagian ini memohon jasa baik YBhg. Prof./Dato'/Tuan/Puan mendapat kerjasama pensyarah-pensyarah terlibat supaya membuat Pengesahan Maklumat Keperluan Peperiksaan melalui **SMPWEB** (<http://www.ukm.my/smpweb>).

Garis panduan untuk mengisi Maklumat Keperluan Peperiksaan adalah seperti berikut:

1. Urusan pengesahan borang maklumat keperluan peperiksaan akhir Semester II Sesi Akademik 2009/2010 boleh dibuat mulai **28 Disember 2009 hingga 19 Januari 2010**;
2. Pensyarah kursus diminta memasukkan maklumat keperluan peperiksaan ini melalui SMPWEB dan hanya penyelaras kursus sahaja perlu mengisi borang maklumat keperluan peperiksaan ini;
3. Pensyarah set lain atau ahli kumpulan pengajar lain boleh membuat semakan kepada borang tersebut tetapi tidak boleh membuat sebarang pindaan. Jika terdapat pindaan yang ingin dilakukan, maka pensyarah tersebut perlu memaklumkan kepada penyelaras kursus;
4. Hanya nama pensyarah yang terdapat dalam set kursus akan dilantik sebagai Pengawas Peperiksaan;
5. Sekiranya nama pensyarah tidak terdapat pada set tersebut, sila maklum kepada Ketua/Penolong Pendaftar Fakulti masing-masing sebelum 19 Januari 2010;
6. Pihak Fakulti juga diminta membuat pemantauan urusan pengesahan maklumat keperluan peperiksaan ini.

YBhg. Prof./Dato'/Tuan/Puan, boleh menghubungi **Puan Rohana Tan / En. Zakaria Hj. Hanafi / Puan Pauziah Abd. Hamid (samb. 5335/5337/4253)** untuk pertanyaan dan maklumat lanjut. Kerjasama dan bantuan pihak YBhg. Prof./Dato'/Tuan/Puan bagi memastikan urusan peperiksaan akhir ini berjalan dengan lancar amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Terima kasih.

“ KUALITI TERAS KECEMERLANGAN”

Yang benar,

KIFTIAH ABDUL RAZAK
Timbalan Pendaftar (Akademik)
b.p. Pendaftar.

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik dan Antarabangsa)
 - Pendaftar
 - Ketua Penolong Pendaftar Kanan/Ketua Penolong Pendaftar/Penolong Pendaftar Kanan/Penolong Pendaftar Fakulti/Pusat
 - Ketua Pengurusan Kualiti, Pusat Pembangunan Akademik
 - Pengarah Pusat Teknologi Maklumat
 - Ketua Penolong Pendaftar Unit Peperiksaan dan Pengijazahan.